

BULETIN MAME 2022

Jilid 5 Isu 1
Edisi: Julai 2022

Ahli Jawatankuasa Penerbitan Buletin

Pengerusi

Prof. Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir

Penasihat

Dr. Lim Zek Chew

Dr. Wong Huey Yi @ Colleen Wong

YM Raja Nadiah binti Raja Zaharuddin Shah

Ketua Editor

Dr. Fauzila binti Abdul Latif

Editor

Yeow Su En


Koh How Earn

Maria binti Mohd Hatar

Dr Christine Augustine

Pereka Grafik

Lim Li Wen





KATA ALUAN PRESIDEN MAME

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah kerana diberi peluang untuk bertemu semula di Buletin MAME buat kali pertama pada tahun 2022. Terdapat perubahan dengan buletin kali ini kerana ianya adalah hasil usaha yang pertama oleh Ketua Editor Buletin MAME yang baru, iaitu Dr. Fauzila binti Abdul Latif yang dibantu oleh editor-editor Yeow Su En, Koh How Earn, Maria binti Mohd Hatar, Dr Christine Augustine dan Pereka Grafik Lim Li Wen. Selamat memulakan tugas kepada Dr Fauzila dan sekalung penghargaan kepada Ketua Editor kita sebelum ini, Dr. Md Jais bin Ismail dan editor-editor yang telah turut menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan komitmen. Tidak lupa juga, berbanyak terima kasih kepada penasihat-penasihat Jawatankuasa Penerbitan Buletin, iaitu Dr Lim Zek Chew, Dr. Wong Huey Yi @ Colleen Wong dan tambahan yang terkini, YM Raja Nadiah Binti Raja Zaharuddin Shah. Semoga Buletin MAME akan terus berkembang dan menjadi suara, penyatu dan pemangkin kepada pendidikan muzik Malaysia.

Edisi Buletin MAME kali ini mengandungi lapan (8) artikel, dua (2) lapuran mengenai aktiviti MAME Online Series dan empat (4) acara Kodály Online Hangout yang dianjurkan bersama oleh Young Choral Academy (YCA) dan MAME. Edisi Buletin MAME ini juga mengandungi maklumat mengenai Rondofest Music Festival yang dianjur bersama dengan MAME dan bakal berlangsung pada 6-9 September 2022. Selain itu, Buletin MAME kali ini juga mengandungi panggilan kepada semua ahli MAME untuk memanjangkan penulisan artikel bagi edisi Buletin MAME yang akan datang.

Terima kasih kepada semua penyumbang artikel dan lapuran bagi Buletin MAME kali ini. Semoga tabiat berkongsi ilmu di kalangan kita semua akan berterusan ke arah memajukan bidang pendidikan muzik dan kerjaya sebagai pendidik di Malaysia khasnya.
Selamat membaca!

Sekian. Terima kasih.

Profesor Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir
Presiden
Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME)

KANDUNGAN

PERKEMBANGAN TERKINI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH	1
SESI PERKONGSIAN PENERIMA ANUGERAH GERAN GILBERT DE GREEVE 2021	
DAN PELANCARAN ANUGERAH GERAN 'GILBERT DE GRAN 2022'.....	3
MAGNETIX TOUCH: SATU SENTUHAN, SATU BUNYI, SATU PENGALAMAN.....	5
TRAVERSING HAWAIIAN'S STRING MUSICAL INSTRUMENTS	10
MUSIC EDUCATION IN MALAYSIA AND ITS IMPORTANCE.....	12
MENINGKATKAN KEMAHIRAN NYANYIAN SEMERTA DALAM KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN MUZIK.....	14
KIT ALATAN MUZIK "MY MUSICAL TUBE"	17
MAME ONLINE SERIES #13 TEACHER TO TEACHER: A MUSIC EDUCATOR'S SURVIVAL GUIDE.....	21
KODÁLY ONLINE HANGOUT 25 JANUARY 2022	24
KODÁLY ONLINE HANGOUT 22 FEBRUARY 2022.....	26
KODÁLY ONLINE HANGOUT 28 SEPTEMBER 2021	28
KODÁLY ONLINE HANGOUT 26 OCTOBER 2021	289
'SONGS OF RESILIENCE AND HOPE: MUSIC THERAPY DURING A TIME OF WAR'	31
RONDOFEST MUSIC FESTIVAL RETURNS IN PERSON THIS SEPTEMBER! ..	34



PERKEMBANGAN TERKINI KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH



Gambar 1: Stafanus Lucas (kiri) sebagai moderator dan En. Bakhtiar Mohd Salleh (kanan) sebagai tetamu jemputan MAME Online Series 12

Pada tanggal 23 Oktober 2021, Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia telah menjemput En. Bakhtiar Mohd Salleh, Mantan Ketua Penolong Pengarah, Pendidikan Seni, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk berkongsi maklumat berkaitan tentang Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Muzik. Menurut beliau, mata pelajaran Pendidikan Muzik diperkenalkan pada tahun 1996 yang mana mata pelajaran pendidikan muzik di sekolah menengah ditawarkan kepada sekolah yang mempunyai prasarana muzik dan kepada guru opsyen pendidikan muzik.

Dari segi pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Muzik sekolah menengah, ia dilaksanakan mengikut pilihan murid dengan kelulusan sekolah dan diperuntukkan satu jam seminggu (32 jam setahun). Bagi pelaksanaan kurikulum mata pelajaran pendidikan Muzik sekolah menengah atas (tingkat 4 & 5), mata pelajaran Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran pilihan dan masa pengajaran dan pembelajaran yang diperuntukkan ialah selama 2 jam seminggu (64 jam setahun). Sekolah mempunyai pilihan sama ada menawarkan mata pelajaran Pendidikan Muzik atau Pendidikan Seni Visual atau kedua-duanya sekali sebagai pilihan kepada pelajar.

Objektif pembelajaran pendidikan muzik merangkumi skop yang luas iaitu aktiviti nyanyian, permainan alat muzik, permainan perkusi, penciptaan hasil karya muzik, memberikan ulasan kritis tentang muzik yang diperdengarkan, menulis dan membaca notasi muzik. Dari segi pentaksiran, guru menentukan kaedah penilaian melalui pertimbangan profesional dan melaksanakan penilaian bilik darjah berdasarkan kriteria-kriteria dalam standard prestasi yang disediakan oleh pihak perkembangan kurikulum. Untuk templat pelaporan bagi tujuan rekod dan simpanan, bahagian Pembangunan Kurikulum telah menyediakan laporan secara luar talian (*offline*) dan berdasarkan surat makluman panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

Sejak zaman pandemik Covid-19 yang melanda dunia, Bahagian Pembangunan Kurikulum telah menyediakan dokumen penjajaran kurikulum Pendidikan Muzik yang dikhaskan untuk memenuhi pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik Covid-19. Kandungan dalam dokumen penjajaran ini telah dikhaskan dari segi kandungan pembelajaran yang lebih berfokus

agar pembelajaran murid tidak ketinggalan. Dokumen ini menitikberat kandungan pembelajaran yang perlu difokuskan dan bersesuaian untuk diajar secara atas talian melalui platform pembelajaran maya seperti Google Classroom, Google Meet (melalui inisiatif DELiMA KPM) mahupun aplikasi berkomunikasi seperti WhatsApp dan Telegram.

Selain itu, Program Didik TV Kementerian Pendidikan Malaysia telah dilaksanakan bagi membantu pengajaran dan pembelajaran pendidikan Muzik sekolah menengah. En. Bakhtiar mengatakan pihak Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia amat mengalu-alukan penglibatan guru, warga pendidikan Muzik ataupun ahli-ahli Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia yang berpengalaman memberikan sumbangan kepakaran dalam Didik TV yang ditayangkan di radio TV Malaysia tersebut. Rancangan dalam Program Didik TV bertujuan memantapkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik murid dalam Negara terutamanya pada waktu pembelajaran dan pembelajaran di rumah semasa perintah kawalan pergerakan dikuatkuasakan ketika penularan pandemik Covid-19.

Dalam segmen yang seterusnya, En. Bakhtiar mengupas cara-cara sekolah menengah bolah menawarkan mata pelajaran Pendidikan Muzik. Antara kriteria penawaran mata pelajaran Pendidikan Muzik termasuklah mendapatkan kebenaran daripada pengetua sekolah; sekolah mempunyai guru muzik yang terlatih; sekolah mempunyai bilik ataupun ruang bagi menjalankan aktiviti muzik; mempunyai murid yang mencukupi (iaitu sekurang-kurangnya 15 orang murid satu kelas) dan pihak sekolah perlu mendapatkan kebenaran menawarkan mata pelajaran Pendidikan Muzik melalui permohonan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Penerangan En. Bakhtiar telah membolehkan para pendidik lebih memahami tatacara permohonan penawaran mata pelajaran Pendidikan Muzik di sekolah menengah.

Sebelum berakhirnya segmen MAME siri 12, En. Bakhtiar membentangkan rumusan bilangan sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran Pendidikan Muzik mengikut negeri. Negeri yang menawarkan Pendidikan Muzik sekolah menengah tertinggi ialah negeri Johor iaitu sebanyak 52 buah sekolah diikuti dengan negeri Sabah sebanyak 46 buah sekolah, Negeri Perak sebanyak 32 buah sekolah, Negeri Selangor sebanyak 26 buah sekolah, Negeri Kelantan sebanyak 25 buah sekolah, Negeri Sembilan sebanyak 24 buah sekolah, Kuala Lumpur sebanyak 22 buah sekolah, Negeri Melaka sebanyak 16 buah sekolah, Negeri Terengganu sebanyak 16 buah sekolah, Negeri Sarawak sebanyak 16 buah sekolah, Negeri Pulau Pinang sebanyak 15 buah sekolah, Negeri Kedah sebanyak 14 buah sekolah, Negeri Perlis sebanyak 8 buah sekolah, Labuan sebanyak 3 buah sekolah dan Putrajaya sebanyak 2 buah sekolah. Bilangan keseluruhan sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran Pendidikan Muzik pada ketika ini ialah sebanyak 332 buah. Pembentangan ini diakhiri dengan sesi soal jawab di antara peserta yang menyertai MAME Online Series 12 ini dengan En. Bakhtiar berkaitan isu-isu semasa yang wujud dalam perkembangan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.

Persoalan dan Jawapan

Soalan 1: Adakah syarat untuk memohon pembukaan kelas Pendidikan Muzik Tingkatan 4 dan 5 juga melibatkan sekurang-kurangnya 15 orang murid?

Jawapan: Tidak. Sekiranya ada 5 ataupun 6 murid tingkatan 4 dan 5 yang ingin meneruskan pembelajaran pendidikan muzik di sekolah menengah, pihak sekolah boleh membuka kelas untuk mata pelajaran Pendidikan Muzik.

Soalan 2: Adakah jenis ensemel alat muzik yang perlu diajar ditetapkan dalam kurikulum Pendidikan Muzik Sekolah Menengah?

Jawapan: Tidak. Pembelajaran ensemel alat muzik tertakluk kepada kepakaran guru yang mengajar. Guru muzik diberikan kelonggaran untuk mengajar mana-mana ensemel yang dirasakan sesuai.

Soalan 3: Sekiranya sekolah menengah telah mempunyai bilik muzik, murid yang berminat untuk mempelajari muzik dan mempunyai guru muzik sukarela untuk mengajar, bagaimanakah sekolah tersebut boleh menawarkan mata pelajaran Pendidikan Muzik?

Jawapan: Cikgu boleh memohon penawaran mata pelajaran Pendidikan Muzik melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan memohon untuk mendapatkan kepakaran guru muzik.

Soalan 4: Adakah terdapat kurikulum pendidikan muzik untuk murid berkeupayaan khas?

Jawapan: Ya, Bahagian Pembangunan Kurikulum mempunyai sektor pendidikan khas yang menyediakan kandungan pendidikan muzik untuk murid berkeupayaan khas.

Dilaporkan oleh: Lim Li Wen

MAME
MALAYSIAN ASSOCIATION FOR MUSIC EDUCATION

ADIWIRA PENDIDIK MUZIK: KISAH SAYA!

& PELANCARAN ANUGERAH
GERAN GILBERT DE GREEVE 2022

2:00 PTG - 3:00 PTG
30 JANUARI 2022

JEMPUTAN KHAS:
CIKGU ABD. MANAF MD JUSOH

Guru Pendidikan Muzik di SK Seksyen 9 Shah Alam,
Penerima ANUGERAH GERAN GILBERT
DE GREEVE 2021

QR code: Sila daftar di QR code ini

UNTUK MAKLUMAT LANJUT:

FACEBOOK:
Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia Baru (MAME)

LAMAN RASMI:
www.mame.org.my

Made with PosterMyWall.com

SESI PERKONGSIAN PENERIMA ANUGERAH GERAN ‘GILBERT DE GRANT 2021’ DAN PELANCARAN ANUGERAH GERAN ‘GILBERT DE GRANT 2022’

Pada 30 Januari 2022, satu sesi perkongsian dalam MAME Online Series 2022 telah dijalankan dengan jayanya oleh Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia Baru. Ia merupakan sesi online yang pertama bagi tahun 2022. Tumpuan sesi ini ialah perkongsian *Adiwira Pendidik Muzik: Kisah saya!* oleh Cikgu Abdul Manaf bin Md Jusoh. Beliau merupakan penerima pertama anugerah geran yang telah dilancarkan pada tahun 2021. Berasal dari Sg. Besar, Selangor, Cikgu Manaf merupakan guru muzik Sekolah Seksyen 9, Shah Alam, Selangor

yang juga memegang jawatan Ketua Panitia Muzik. Usaha dan sumbangan beliau terhadap Pendidikan Muzik telah membawa hasil yang membanggakan dengan penerimaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2003, 2013 dan 2017. Pengalaman beliau mengajar muzik selama 22 tahun turut menjadi inspirasi kepada guru-guru lain dengan penerimaan beberapa lagi anugerah istimewa seperti Guru Cemerlang Pendidikan Muzik KPM (2010-2014), Anugerah Tokoh Ko-kurikulum Sekolah, Anugerah Guru Besar Excellent Teacher (2018) dan Anugerah Kualiti Bilik Muzik Terbilang Daerah Petaling Perdana (Johan).

Pendidikan awal Cikgu Manaf dalam bidang perguruan bermula pada tahun 1997 semasa beliau memasuki Maktab Perguruan di Pasir Panjang, Kuala Terengganu kemudiannya di Besut sehingga tahun 2000. Setelah tamat, beliau telah mendapat penempatan di Sekolah Seksyen 9, Shah Alam, Selangor. Di sekolah tersebut, beliau telah memulakan kerjaya dengan mencipta lagu sekolah serta membuat persembahan murid untuk satu majlis tertentu. Ini merupakan cabaran bagi Cikgu Manaf dengan ketiadaan alat muzik di sekolah tersebut melainkan alat muzik rekoder. Dengan sokongan pihak sekolah beliau telah membeli beberapa alat muzik penting daripada Sekolah Muzik Yamaha bagi menampung keperluan pengajaran dan pembelajaran serta persembahan di dalam dan luar sekolah tersebut.

Bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran praktikal alat muzik tradisional, beliau telah mengikuti kelas alat muzik caklempong di Aswara, Kuala Lumpur. Seterusnya, beliau melibatkan diri dalam program-program kebudayaan bersama

Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara, menghadiri kursus-kursus kejurulatihan seni serta melibatkan murid-murid sekolah dalam persembahan peringkat daerah, negeri dan KPM sehingga sekolah beliau terpilih untuk mengikuti Program Bimbingan Seni Budaya Negara dan berjaya mendapatkan set alat muzik gamelan dengan pada tahun 2019.

Pada tahun 2019, Cikgu Manaf telah mengambil inisiatif untuk menggabungkan alat muzik moden dan tradisional untuk menubuhkan ensemble yang lebih besar dan telah mendapat anugerah Sekolah Berprestasi Tinggi serta telah menerima peruntukan sebanyak RM700,000. Beliau telah berusaha untuk membeli alat muzik bertali dan telah menubuhkan satu ensemble alat muzik bertali di bawah bimbingan En. Radzali Mustaffa. Perkembangan pendidikan muzik telah menarik minat ramai murid di sekolah tersebut dengan tercetusnya Program Bakat Cilik untuk mencungkil bakat murid Seksyen 9. Selain daripada caklempong, gamelan and alat muzik bertali, Cikgu Manaf juga telah berjaya mewujudkan beberapa kumpulan muzik di sekolah berkenaan termasuk ensemble rekoder, nasyid, koir, kompong dan angklung yang telah dipersembahkan dalam beberapa acara, majlis dan pertandingan pelbagai peringkat.

Dengan segala usaha, komitmen dan pengorbanan terhadap memantapkan Pendidikan muzik di sekolah, beliau telah diberi pengiktirafan sebagai penerima Anugerah Geran Gilbert de Greeve yang pertama daripada Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia Baru (M.A.M.E.) pada tahun 2021. Nama Anugerah Geran Gilbert De Greeve diambil sebagai pengiktirafan kepada pendidik muzik antarabangsa

Gilbert De Greeve dari Belgium di atas sokongan dan komitmen beliau terhadap perkembangan pendidikan muzik di Malaysia dengan menyumbangkan 60 buah gubahan lagu rakyat Malaysia kepada Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia.

Akhir kata, warga MAME mengucapkan tahniah kepada Cikgu Manaf atas pengiktirafan anugerah ini dan sumbangan tenaga beliau yang telah membawa murid-murid ke puncak kejayaan serta mengharumkan nama sekolah sepanjang perkhidmatannya serta melahirkan bakat-bakat yang cemerlang dalam bidang Pendidikan Muzik. Presiden Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia, Profesor Madya Dr. Ramona Mohd Tahir juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Cikgu Manaf serta mengalu-alukan ahli-ahli MAME untuk memohon geran sempena Pelancaran Anugerah Geran Gilbert De Greeve 2022 dalam sesi ini.

Bagi tahun 2022, sebanyak dua geran ditawarkan pada pemohon yang berjaya

memenuhi terma dan syarat anugerah ini. Permohonan dibuka untuk semua ahli MAME yang aktif dalam bidang Pendidikan Muzik bagi tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun kebelakangan secara berterusan. Pemohon yang berjaya menerima geran ini perlu membuat laporan mengenai aktiviti dan perbelanjaan yang telah dilakukan untuk memastikan geran telah digunakan untuk peningkatan profesionalisme diri dalam bidang Pendidikan muzik. Tarikh tutup bagi memohon geran ini adalah pada 21 Ogos 2022. Pautan borang permohonan geran berikut adalah melalui link:

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdSIABbCZk_MLxNAB03ZpYr7JdSiDuOUJx8fDyQRf5Cs7432w/viewform

Sebarang pertanyaan mengenai permohonan Anugerah Geran Gilbert De Greeve boleh dimajukan kepada emel: admin@mame.org.my

Dilaporkan oleh: Dr. Christine Augustine

MAGNETIX TOUCH: SATU SENTUHAN, SATU BUNYI, SATU PENGALAMAN

Edna Shamani Wellington
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas



PENGENALAN

Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran yang sesuai diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran lain di sekolah rendah. Komponen muzik dapat membantu

membina kepekaan persepsi, apresiasi, kesedaran estetik, pemikiran kreatif dan imaginatif melalui aktiviti yang sesuai dengan keperluan setiap insan. Integrasi muzik dengan bidang Pendidikan Khas amat membantu murid berkeperluan khas

masalah penglihatan untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran dengan kaedah yang lebih menyeronokkan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) sentiasa mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi setiap murid. Inisiatif Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) bertepatan dengan iltizam pihak Kementerian Pendidikan untuk melahirkan murid yang cemerlang dalam memastikan peluang juga tersedia bagi golongan inklusif (Laporan Tahunan 2018) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Gelombang 3 (2021-2025) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia berhasrat untuk membangunkan model kejayaan sekolah berdasarkan inovasi pengajaran dalam usaha membangunkan sistem pengekalan kemajuan kendiri yang mampu untuk mencetuskan inovasi dan meningkatkan pencapaian yang lebih tinggi.

Salah satu daripada strategi ke arah ini adalah untuk guru-guru sekolah khususnya dalam bidang Pendidikan Muzik dan Pendidikan Khas untuk menambahbaik kaedah penyampaian mereka di dalam kelas dengan mengaplikasikan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Terdapat banyak jenis alat muzik yang dapat digunakan semasa melaksanakan aktiviti muzikal dengan murid berkeperluan khas masalah penglihatan dan antara alat muzik yang paling sesuai sebagai alat iringan adalah rekoder soprano untuk meningkatkan sesi pembelajaran murid dengan lebih berkesan. Permainan rekoder soprano memberi peluang kepada setiap insan berkeperluan khas masalah penglihatan untuk meneroka, memperoleh pengalaman dan mengekspresi dengan mengaplikasikan deria sentuhan dalam

aktiviti muzik melalui permainan rekoder soprano. Apabila seseorang insan bermasalah penglihatan diberi peluang untuk *explore, experience dan express* (3Es) maka sumber imaginasi, kreativiti dan pemikiran mendalam dapat diluahkan. Quadrant Concept oleh Hermann (1991) menyatakan bahawa perkembangan otak kanan dan kiri membantu pemikiran rasional dan intuitif seseorang individu manakala Teori Kecerdasan oleh Howard Gardner (1999) mengesyorkan bahawa kecerdasan muzikal seseorang perlu diperkembangkan dalam proses pembelajaran setiap insan.

Rekoder soprano merupakan sejenis alat yang dapat mengeluarkan bunyi dengan cara sentuhan. Pelbagai jenis bunyi muzik dapat dihasilkan dengan menyentuhnya. Oleh itu, teknik belajar sambil bermain dapat diaplikasi atau dilaksanakan. Rekoder soprano juga sesuai diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran muzik kerana ia merupakan alat muzik yang mudah diperolehi di sekolah, ringan dan sesuai digunakan sebagai sumber pengajaran demi meningkatkan minat semasa belajar. Oleh yang demikian pendidik muzik perlu menggalakkan pembelajaran yang mengaplikasikan bahan inovasi yang dapat mewujudkan proses pembelajaran muzik yang lebih seronok. Alat inovasi Magnetix Touch ini merupakan bahan inovasi yang dicipta khas untuk murid berkeperluan khas masalah penglihatan memperolehi pengalaman memainkan rekoder soprano. Guru-guru yang tidak mempunyai pengalaman untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Muzik juga dapat menghasilkan bahan inovasi ini untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran permainan rekoder bersama murid berkeperluan khas masalah

penglihatan. Bahan inovasi ini direka agar murid berkeperluan khas masalah penglihatan dapat menggunakan deria sentuh untuk belajar cara memainkan rekoder soprano sebagai alat hiburan di samping mempelajari kemahiran muzik yang baru. Bahan inovasi Magnetix Touch dihasilkan dengan mengaplikasikan deria sentuh (*touch sense*) dalam pembelajaran teknik penjarian rekoder soprano. Masalah visual yang dihadapi tidak menjadi penghalang untuk memajukan diri dan pencapaian murid di sekolah dalam pembelajaran abad ke-21 kerana semua murid diberi peluang untuk mengaplikasikan deria sentuhan dan braille untuk mengenal pasti nama not yang disentuh semasa memainkan alat muzik rekoder soprano di sekolah dengan cara yang menyeronokkan.

Proses yang dilalui dalam kajian menggunakan kit inovasi Magnetix Touch ini meliputi langkah-langkah berikut:-
Bakat uji cuba memainkan rekoder soprano dengan inovasi Magnetix Touch telah diaplikasikan berdasarkan proses berikut bersama dua siswa guru dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dan untuk mengukuhkan dapatan, inovasi ini telah diperkenalkan kepada tiga murid dari SK Jalan Batu (Masalah Penglihatan), Kuala Lumpur.

- Pada langkah permulaan, siswa guru/murid sekolah diperkenalkan dengan nilai not krocet dan minim dengan sentuhan magnet yang berbeza saiz pada papan putih. Siswa guru/murid sekolah diperkenalkan tentang fungsi baluk muzik yang terdiri daripada

lima garisan melalui sentuhan pada papan putih. Siswa guru/murid sekolah telah diperkenalkan dengan kedudukan not pada garisan dan ruang pada baluk melalui sentuhan setiap garis.

- Seterusnya siswa guru/murid menggunakan jari menyentuh biji manik dan tulisan *braille* pada kad imbasan yang disediakan. Ini adalah supaya guru siswa guru/murid dapat mengenal pasti kedudukan not pada rekoder soprano.
- Setelah itu, siswa guru menggunakan teknik deria sentuhan pada skor lagu yang terdiri daripada penjarian not dan sentuhan *braille* sebelum mengaplikasikan tiupan rekoder soprano. Bagi skor lagu yang terdiri daripada not B, A, dan G guru siswa guru/murid menggunakan tangan kiri untuk memegang dan meniup rekoder sementara tangan kanan menyentuh skor lagu yang terdiri daripada penjarian not yang berbeza.
- Bagi skor lagu yang mempunyai lebih dari not B, A, dan G maka aktiviti dijalankan secara berpasangan. Ini adalah di mana seorang guru siswa guru/murid akan membaca skor dengan mengaplikasikan deria sentuhan sementara seorang rakan lagi akan meniup lagu pada rekoder soprano berdasarkan nama not yang disebut oleh rakan.

Gambar di bawah adalah perkongsian langkah-langkah mengaplikasi Inovasi Magnetix Touch bersama siswa guru IPGKIK dan murid dari SK Jalan Batu (Masalah Penglihatan) Kuala Lumpur beserta Ahli kumpulan Inovasi.



IMPAK INOVASI

Bahan inovasi Magnetix Touch telah menunjukkan kesan yang membanggakan dalam menyelesaikan kekurangan fizikal siswa guru dan murid sekolah rendah yang menghadapi masalah penglihatan. Inovasi ini telah membantu insan berkeperluan khas masalah penglihatan belajar menupu rekoder soprano dengan mengaplikasikan deria sentuhan pada manik dan tulisan *braille*. Bahan inovasi ini juga memberi peluang kepada setiap insan yang menghadapi masalah penglihatan untuk mengeksplorasi cara menggunakan alat muzik tiupan dan memberi peluang untuk mencungkil bakat kendiri murid sekolah dalam proses pembelajaran. Inovasi ini dapat membantu setiap insan yang menghadapi masalah penglihatan belajar mengaplikasikan deria sentuhan (*touch sense*). Satu daripada pengetahuan baru yang diperolehi adalah melalui “Satu Sentuhan, Satu Bunyi dan Satu Pengalaman”. Inovasi Magnetix Touch ini juga bersesuaian dengan konsep 3Es iaitu *explore, experience dan express* untuk seseorang individu perolehi. Inovasi Magnetix Touch telah berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang dengan memperolehi Anugerah Emas pada peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa serta Anugerah Khas peringkat Kebangsaan. Inovasi ini juga telah memperoleh Hak Cipta MyIPO seperti berikut:-



Masalah visual yang dihadapi tidak menjadi penghalang untuk memajukan diri dan pencapaian insan bermasalah penglihatan dalam pembelajaran abad ke-21. Semua

insan bermasalah penglihatan diberi peluang untuk mengaplikasikan deria sentuhan, cara memegang dan memainkan alat muzik rekoder soprano. Inovasi Magnetix Touch telah berjaya meningkatkan bakat dan kreativiti setiap insan agar kesamarataan berlaku dalam

kalangan siswa guru dan murid di sekolah khususnya melalui aplikasi pedagogi inklusif. Impak bahan inovasi ini telah memberi kesan yang positif terhadap perkembangan holistik setiap insan melalui satu sentuhan, satu bunyi dan satu pengalaman.



Perkongsian Ilmu bersama Kelab Amal Guru Buta MAB (KAGUM)
dan Kelab Penggiat Seni MAB (KEPSMAB)

TRAVERSING HAWAIIAN'S STRING MUSICAL INSTRUMENTS

Laura Annie Lalita Rajamoney
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas



The Origin

The Hawaiian Steel Guitar was accidentally born, so to speak. A Hawaiian lad, named Joseph Kekuku (1874-1932) whilst fixing his Spanish Guitar accidentally slipped his pen-knife on the strings producing a pleasant sound. After a trial and error method, he succeeded, with many experiments (changing tunings and using different types of strings) to get simple chord formations – hence, a new instrument, the Hawaiian Steel Guitar was born (Philips, S. (2005).



Photo 1: Vintage Hawaiian Steel Guitar



Photo 2: The Hawaiian Steel Guitar



Photo 3: Hawaiian Steel Guitar Bar

In the early days, (around the late 1920's) the ordinary Spanish Guitar was strung with a strap around the neck and a metal bar was used to glide the strings on the left hand.

The right hand had picks on the thumb and the 2 or 3 adjoining fingers for picking. In modern times, to amplify the sound, a coil is fitted to the guitar and an amplifier is used. For gliding and picking, a stainless steel bar and picks are used. The Hawaiian Steel Guitars are either placed on the lap to play (if they are light in weight) or are mounted on stands (if they are heavy). Some of them are double-necked – each neck having a different tuning (for example C^{9th} tuning and D^{6th} tuning) depending on the Hawaiian Steel Guitarist's choice.



Photo 4: Ukulele



The Ukulele, on the other hand, is a member of the lute family of instruments, originating from Hawaii and generally employs four nylon or gut strings or four courses of strings. Some strings may be paired in courses, giving the instrument a total of six or eight strings.

The ukulele originated in the 19th century as a Hawaiian adaptation of the Portuguese machete, a small guitar-like instrument, which was introduced by the Portuguese immigrants. It gained popularity in the United States during

the early 20th century and from there it spread internationally.

Since Music Education is gaining momentum in our education system, starting a ukulele program in schools should be given a serious thought. Merits of Ukulele are as follows:

1. **The ukulele is relatively inexpensive.** As compared to the guitar, you can purchase a relatively cheap ukulele at any store
2. **The ukulele is portable.** Carrying an instrument is a huge problem for students. The ukulele can easily be taken on the bus and stored in the classroom. Even smaller instruments like guitars can be a real pain to transport to and from school. On the other hand, the average soprano ukulele weighs less than a kilo, can be easily carried.
3. **The ukulele is a solo and an ensemble instrument.** One of the traditional standard in music education is to get students to perform solo and in an ensemble. Ukulele is amazing to play by yourself and is amazing to play with others. Many other instruments also fit this bill but the ukulele seems to have special powers in empowering the desire to perform both as a soloist and in an ensemble. Students can jam together as a class. Some instruments are more fun to play in a group, but the ukulele easily holds its own in both.
4. **You only have to learn a little to play a lot.** If you can get your students to learn 3-4 chords, there are so many songs you can play. The list becomes almost unlimited. Once they get going on these chords, it will naturally lead to adding more on. Ukulele accompanies Hawaiian music and adds a different flavour to keroncong music and various genre of music. Two of the most popular songs played with ukulele are “Bengawan Solo” and the popular

“Somewhere Over the Rainbow” by Israel Kamakawiwo’ole (1959-1997).

5. **Great way to teach many musical concepts.** Ukulele units cover so many elements of music; Pitch, Rhythm, Harmony, and Expression.



Photo 5: Ukulele Usage in Classroom

Present Day

A by-product of the Hawaiian Steel Guitar is the Steel Guitar, often used for country music in the United States. Pedals are used for most of these guitars and these pedals are connected to the strings and are placed below the guitars to be pressed, usually by the left leg. As the pedals are pressed, the strings are pulled higher or lower, as the case may be and different chords are produced.

Both the Hawaiian guitar and the Ukulele complement each other. No Hawaiian music is complete without the Hawaiian guitar and the Ukulele. The Hawaiian Steel Guitar goes well with all types of music including Keroncong, Asli, Rock, Disco and Jazz, besides the traditional Hawaiian Music. One of our very own living local exponent of this instrument is Tan Sri Ahmad Merican. The others who have gone before us are Abdul Majid Yusof, Benedict Soosay, Edwin Rajamoney, Victor Felix and Joe Rozells.

References:

- Beloff, Jim (2003). *The Ukulele: A Visual History*. Backbeat books. p. 110. [ISBN 978-0-87930-758-5](#).
- Nidel, Richard (2004). *World Music: The Basics*. Routledge. p. 312. [ISBN 978-0-415-96800-](#).
- Philips, S. (2005). *Art of hawaiian steel guitar*. Mel Bay Publications
- Roberts, Helen (1926). *Ancient Hawaiian Music*. [Bernice P. Bishop Museum](#). pp. 9–10.
- Ruymar, L. "The Hawaiian Steel Guitar and Its Great Hawaiian Musicians", via [Google Books](#), p. 26.
- Centerstream Publications, 1996. [ISBN 1-57424-021-8](#).
- Tranquada, Jim (2012). *The Ukulele: A History*. University of Hawaii Press. p. 152. [ISBN 978-0-8248-3544-6](#)

MUSIC EDUCATION IN MALAYSIA AND ITS IMPORTANCE



Doreen Premila A/P Edwin Rajamoney (PhD)
SMK Dato Sedia Raja, Rembau, Negeri Sembilan

INTRODUCTION

Music education in the Malaysian education system had existed since 1982 (Mohd. Hassan Abdullah, 2007). However, Music education in most schools are taught as an elective subject, which means that music education is not the main requirement to pass major exams like the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Therefore, it is not placed as an important subject, thus leading to students to marginalize it. Everyone enjoys Music as it is a universal interest. It cannot be denied that by listening to it, singing or even playing music, one has to know somewhat or a little knowledge on the theory of Music. As Howard Gardner (1983) had put it, everyone is born with different intelligences (Marenus, 2020). The main concern in the teaching and learning process of Music Education is that students need to know the fundamental elements because it is through these elements, students can acquire any musical skills at an advanced level. For example, learning music notation in theory of music is a core business in Music Education and it is the main key to other skills involving theory, practical for singing, writing, listening and also reading music. It is obvious that the weaknesses in these skills are due to the fact that the teaching of musical notations and its values are not being used in the proper manner to enhance the musical skills and interest. The main factor that leads to this is the lack of knowledge in the very fundamental theory of music involving musical notation, the values to these notations, reading music and the practical aspects of it. Music teachers and also those who have the interest in this subject should think out-of-the-box to encourage higher order thinking skills during their teaching and learning process in case they would like to get themselves involved in such a process. In other words, this is to see how far students can think critically, logically, reflectively, metacognitively and also creatively in the Music Education classrooms.

IMPORTANCE OF MUSIC EDUCATION

When schools play an important role in moulding the minds of the younger generation, it means their moral values and intelligences too should be enhanced. Music education can give all of them the opportunity to sharpen the younger generation's respective knowledge on the different skills they are good at. When students are musically inclined, there is also space for them to widen their intelligences to other aspects through their musical skills. In other words, musical intelligence is parallel to other intelligences as well, as Kelly (2021) had cited in Gardner. Studies in the University of Southern California had found that music can affect the brain, patterns in sleeping, levels of stress as well as the students' immune system, thus, increasing a great impact on the students' learning behaviours.

There had been many other researches which have shown the importance of music education in ones's life. Suttie (2017) opined that creativity can be originated from music. It can lead to improvement in cognition development as well as enriching one's learning and memory power. Hence, the ability to have creative and innovative thinking can be an impact on students on other skills as well. Music education can bring about higher thinking skills among our students (UKEssays, 2018). Silverstone (2018) found that music education indeed benefited students at schools even in vocabulary and reading skills whereby, students learn words and speak fluently as they hear from others. This takes place when the brain controls both the musical as well as the language aspect which would be related as time goes by. Moreover, Anglia (2020) had stated that besides having better cognitive abilities, their language capabilities can be improved. The training for music (tone) can stimulate and train the same part in the brain which deals with language (alignment of speech) coordination. She had also pointed out in the Journal of Aesthetic Education on the enhancement of students' Mathematics skills through the learning of music.

Besides improving the different subjects in schools, it had been shown by the Stanford University that music is also a remedy to relieve stress and develop social skills through meeting friends. Through a sense of achievement, one can instil perseverance as well as learning a lifelong skill when music education is placed as an important component in the education system.

CONCLUSION

In a nutshell, being musically inclined does not mean an individual is just talented or unacademically inclined. He/she is also can show better performance in his/her academic achievements. Music education should not be taken for granted or underestimated. When good educators can integrate a few intelligences (including musical intelligence) in a teaching and learning process, music can serve to promote higher order thinking skills among students in general. Therefore, it is vital for educators to be well equipped in the stimulation of the students' motivation and thus, delivering a cultural method in teaching (even through integration of music in other subjects as well) to bring about the best results in music education.

William Shakespeare had quoted, "If Music be the Food of Love, give me excess of it".

REFERENCES

- Anglia, Nord. (2020). The Importance of Music in Education.
<https://www.nordangliaeducation.com/news/2020/07/06/the-importance-of-music-in-education>
- Gardner, Howard. (1983). Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences (7th Ed.). New York: Basic Books
- Melissa, Kelly. (2021). Teaching Students Who Have Musical Intelligence.
<https://www.thoughtco.com/musical-intelligence-profile-8095>
- Marenus, Michele. (2020). Gardner's Theory of Multiple Intelligences. Simply Psychology.
www.simplypsychology.org/multiple-intelligences.html
- Mohd. Hassan Abdullah. (2007). Music Education in Malaysian Public Schools: Implementation, Issues and Challenges. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, Vol 1 (1), ISSN 1394-7176. Tanjung Malim, Perak: UPSI
- Silverstone, Jenny. (2018). Tune In: Six Benefits of Music Education for Kids.
<https://nebhe.org/journal/tuning-in-six-benefits-of-music-education-for-kids/>
- Suttie, Jill. (2017). How Music Helps Us Be More Creative.
https://greatergood.berkeley.edu/article/item/how_music_helps_us_be_more_creative
- UKEssays. (2018). The Importance of Music Education in Schools.
<https://www.ukessays.com/essays/education/the-importance-of-music-education-in-schools-education-essay.php?ver=1>

MENINGKATKAN KEMAHIRAN NYANYIAN SEMERTA DALAM KALANGAN PELAJAR PENDIDIKAN MUZIK

Peter Ong

Cluster of Education and Social Sciences

Kuala Lumpur Learning Centre Open University Malaysia



Menurut Rogers dan Ottman (2019), Nyanyian Semerta adalah penting untuk seseorang untuk menikmati muzik dengan mudah dan memperoleh perasaan ritma dan pic secara tersendiri. Selain itu, Nyanyian Semerta dapat mengupaya seseorang untuk membaca notasi muzik dengan baik di samping mengetahui cara menyanyi lagu itu dengan betul. Berkowitz et al. (2021) mengatakan bahawa Nyanyian Semerta membantu seseorang menyanyi notasi dengan baik dan memperoleh perasaan pic yang tepat terutama untuk ahli-ahli dalam sesebuah koir.

Menurut Berkowitz et al. (2021), Nyanyian Semerta adalah lazim dalam kelas latihan pendengaran, di mana pelajar-pelajar berbeza dalam pengalaman dan kebolehan kognitif. Guru harus sedar tentang latar belakang pelajar yang mungkin berkaitan dengan prestasi masing-masing dan perlu menggalakkan mereka untuk membangunkan semangat inisiatif yang kuat, seperti membaca not-not muzik yang betul atau menepuk pelbagai corak irama yang diberi.

Suryati dan Widodo (2021) mengatakan bahawa Nyanyian Semerta ialah kebolehan membaca notasi muzik dan segera menyanyikan lagu sesuai dengan melodi pada lembaran muzik. Nyanyian Semerta ialah aktiviti menyanyi keratan muzik dengan menggunakan solfa dalam “do” bergerak. Menurut Schuler (2021), Nyanyian Semerta dan latihan pendengaran adalah kursus yang sukar untuk diajar. Walau bagaimanapun, sepanjang dekad yang lalu, banyak alat teknologi baharu telah dibangunkan yang menyokong usaha pendidikan. Beberapa alatan tersebut seperti SmartMusic, SingSnap, EarTrainer (MusicDictation.app), dan YouTube, telah digunakan untuk meningkatkan nyanyian semerta dan latihan pendengaran.

Untuk mengatasi masalah tersebut, beberapa langkah boleh diambil semasa menjalankan Nyanyian Semerta. Maksud Nyanyian Semerta adalah nyanyian dengan merujuk skor muzik yang diberi tanpa latihan. Dengan kata lain, seseorang diberi satu skor muzik atau sebuah lagu yang mempunyai notasi dan lirik. Selepas diberi beberapa minit untuk meneliti skor muzik tersebut tanpa memainkan pada alat muzik, pelajar tersebut kemudiannya disuruh menyanyikan lagu tersebut tanpa diberi latihan dahulu. Dalam Nyanyian Semerta, pelajar tidak pernah melihat atau menyanyikan skor muzik yang diberi. Pelajar disuruh menyanyi secara serta merta lagu yang diberi. Jika pelajar mampu berbuat demikian, tahap kemahiran pelajar menyanyikan secara semerta adalah amat tinggi.

Langkah-langkah untuk mengatasi masalah Nyanyian Semerta adalah seperti berikut. Rujuk gambarajah A.

KucingKu

Gembira

5

Miao Miao bu nyi nya in gin ma kan i kan nya
do re mi fa so la la la ti la ti do
ta a ta a ta a ta a ta a a a a

Gambarajah A

Pertama, apabila pelajar diberi satu skor lagu seperti contoh di gambarajah A, pelajar harus mengetahui tanda nada lagu itu sama ada dalam nada major atau nada minor. Skor lagu ‘KucingKu’ adalah dalam nada C major. Seterusnya, pelajar harus mengenal pasti meter, tempo dan mud lagu tersebut. Dalam skor lagu ‘Kucingku’ dalam meter empatan. Mudnya adalah gembira dan tempo seharusnya sederhana cepat untuk menunjukkan gembira. Kedua, pelajar harus melihat notasi dalam skor lagu dan mengenal pasti corak irama lagu itu. Nilai not dalam skor ‘Kucingku’ adalah not kuaver, not semibrif, not minim dan not krochet sahaja.

Ketiga, pelajar harus menetapkan satu tempo yang sesuai untuk menyanyikan lagu itu. Keempat, pelajar harus menggunakan sistem ‘do’ bergerak untuk menyanyi lagu dengan menggunakan solfa. Dalam lagu ‘Kucingku’, solfanya dinyanyikan adalah seperti “do re mi fa so la so, la la la fa la la so fa mi, do re mi fa so, la la la ti la ti do”. Kelima, setelah pelajar mempunyai satu idea tentang lagu itu, pelajar cuba dapat pic yang betul dengan main not yang pertama menggunakan piano. Selepas pic yang betul diperoleh, pelajar menyanyi lagu dengan menggunakan solfa mengikut pic yang ditetapkan. Langkah terakhir iaitu keenam adalah tukarkan solfa kepada lirik lagu dan menyanyikan lagu tersebut dengan irama, pic dan lirik yang betul.

Aktiviti muzik yang boleh membantu pelajar untuk memperolehi kemahiran Nyanyian Semerta dengan baik ialah mengambil bahagian dalam koir. Selain itu, pelajar juga boleh membeli buku Nyanyian Semerta dan melatih setiap hari. Lagi satu cara ialah membayar yuran untuk belajar teknik vokal dengan guru vokal yang berpengalaman.

Rujukan

- Berkowitz, S., Frontrier, G., Kraft, L., Goldstein, P. & Smaldone, E.M. (2021). *A new approach to sight singing (6th ed.)*. Vancouver, B.C.: Langara College.
- Rogers, N. & Ottman, R.W. (2019). *Music for sight singing (10th ed.)*. Pearson. UK.
- Pomerleau-Turcotte, J., Moreno Sala, M. T., Dubé, F., & Vachon, F. (2021). Experiential and cognitive predictors of sight-singing performance in music higher education. *Journal of Research in Music Education*. <https://doi.org/10.1177/00224294211049425>
- Suryati, S., & Widodo, T. W. (2021). Sight singing sebagai strategi pembelajaran instrumen piano di prodi pendidikan musik isi yogyakarta. *Resital: Jurnal Seni Pertunjukan*, 21(2), 99–112. <https://doi.org/10.24821/resital.v21i2.3379>
- Schüler, N. (2021). Modern approaches to teaching sight singing and ear training. *Facta Universitatis, Series: Visual Arts and Music*, 083. <https://doi.org/10.22190/fuvam2002083s>

KIT ALATAN MUZIK “MY MUSICAL TUBE”



Tee Yong Lai

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor

Menurut kurikulum subjek Pendidikan Muzik, permainan rekoder merupakan aktiviti yang dapat meningkatkan perkembangan kognitif, afektif, psikomotor dan nilai sosialisasi (estetik) sepetimana yang dikehendaki menerusi Falsafah Pendidikan Negara. Di sekolah rendah, subjek Pendidikan Muzik diajar hanya dalam tempoh 30 minit seminggu. Justeru, pendedahan tentang penggunaan alatan muzik rekoder adalah sangat terhad (Iwan Shu-Aswad, 2022). Sehubungan dengan itu, murid-murid selalu menghadapi masalah dengan teknik postur 45 darjah, teknik penjarian, teknik penglidahan dan penghasilan ton yang berkualiti (Kamariah, 2015). Hal ini disebabkan murid-murid tidak dapat mengamalkan teknik yang betul semasa bermain rekoder. Sebagai contoh, murid tidak dapat mengawal kelajuan angin yang disokong oleh otot diafragma secara konsisten dan meniup not secara bersambungan tanpa mengaplikasi teknik sebutan “tuh”. Menurut Criswell, (2009), penguasaan teknik-teknik rekoder dengan baik dapat menghasilkan kualiti ton yang baik. Kaedah meniup rekoder memerlukan pengawalan nafas yang baik dan teknik tiupan yang betul (Boeckman, 2006).




Gambar 1: Postur dan cara memegang rekoder yang salah

My Musical Tube direka bentuk khas untuk murid-murid sekolah rendah yang masih berada di peringkat awal dan menghadapi masalah dalam penggunaan alat muzik asas seperti rekoder. Kit ini membantu murid untuk mengatasi masalah teknik penjarian, penglidahan, postur dan penghasilan not. Kit ini merupakan mesra alam serta cara pemasangan dan penggunaan adalah sangat mudah dan senang. Kombinasi antara rekoder, seruling dan saxophone ini dapat


memberi keyakinan dan inspirasi kepada murid untuk menjadi seorang pemuzik pada masa hadapan.

My Musical Tube dapat membantu guru muzik agar dalam keadaan yang bersedia untuk mengajar sebelum pengajaran diadakan walaupun guru bukan beropsyen muzik. Alat ini juga dapat meringankan cara murid meniup rekoder dengan membantu mereka mencapai kualiti ton yang baik dan tepat dari semasa ke semasa. *My Musical Tube* ini merupakan kombinasi alat tiupan kayu seperti seruling, klarinet dan saxophone dalam satu produk yang mana satu alat muzik boleh diubahsuai kepada pelbagai jenis alatan muzik yang murid sedang mengatasi masalah pembelajaran permainan rekoder yang asas. *My Musical Tube* ini diperbuat dari gabungan PVC paip supaya murid boleh ditransformasi kepada pelbagai reka bentuk bagi memudahkan tiupan.



Gambar 2: MY MUSICAL TUBE Mampu Ditransformasikan Kepada Pelbagai Bentuk Bagi Memudahkan Tiupan

Melalui alat “My Musical Tube” ini, murid dapat mengamalkan teknik yang betul dari segi pernafasan, postur dan sebagainya. Hal ini disebabkan rekoder ini telah diubahsuai kepada 45 darjah yang ditentukan supaya memudahkan murid untuk meletakkan rekoder pada posisi yang betul. Selain itu, alat penutup yang berwarna merah, biru, dan kuning akan disarungkan dalam jari supaya murid dapat menutup lubang alat muzik dengan rapat dan memperkuuhkan ingatan penjarian not B, A, G dan C. Sehubungan itu, kit alat ini juga boleh meningkatkan penghasilan yang kreatif dan innovatif berdasarkan bahan-bahan alat bahagian yang disediakan kepada satu alatan muzik yang baru.



Rajah 3: Keputusan Ujian Pra dan Pasca terhadap keberkesanan “MY MUSICAL TUBE”

Jadual 4: Perbezaan di antara Ujian Pra dan Ujian Pasca

PENINGKATAN	Bilangan Murid (Peratusan %)	
	Ujian Pra	Ujian Pasca
Sangat Baik	0 (0.00%)	7 (17.94%)
Baik	3 (7.69%)	9 (23.07%)
Sederhana	12 (30.77%)	12 (30.77%)
Sangat lemah	14 (35.89%)	8 (20.51%)
Lemah	10 (25.64%)	3 (7.69%)

Kesan yang telah diberi daripada penggunaan alatan “My Musical Tube” ini adalah terhadap teknik penglidahan, postur, penjarian, pernafasan dan embouchure murid-murid. Melalui data yang didapati, hampir 70% murid dapat meningkatkan tahap mengaplikasikan teknik pernafasan, penjarian, penglidahan dengan embouchure yang baik secara beransur maju dengan alat rekorder selepas penggunaan alat *My Musical Tube*. Menurut Pradikta Praytina Putra (2012), penggunaan media interaktif dapat meningkatkan kemahiran tangga nada dalam permainan rekoder Kelas VIII. Selain itu, murid-murid telah lebih aktif dan menunjukkan sifat ingin belajar yang kuat semasa pembelajaran.

Rujukan

- Boeckman, Vicki (2006). *How to play the recorder*. American Recorder Society
- Criswell, C. (2009). *Brass and woodwinds*. Teaching Music. 17(1), 48-49.
- Iwan Shu-Aswad Shuaib (2022). Guru muzik guna rekoder pikat hati murid ke sekolah, ‘single’ Iman Troye paling diminati... rupa-rupanya dah menang banyak pertandingan. M Star.
- Kamariah Bt Abu Mansur (2015). Meningkatkan Kemahiran permainan rekoder soprano pelajar tahun 4 melalui kaedah pembelajaran masteri. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Kusdiarsari, Ardiyal dan Syahrel (2010). *Pembelajaran Musik Ensambel Rekoder Dengan Metode Latihan di SMP Negeri 05 Kota Pangkal Pinang*. Universiti negeri Padang.
- Pradikta Prayitna Putra (2012). Upaya Meningkatkan Penguasaan Tangga Nada dengan menggunakan media interaktif dalam pembelajaran recorder kelas VIII. Universiti Negeri Yogyokarta.



MAME ONLINE SERIES #13

TEACHER TO TEACHER: A MUSIC EDUCATOR'S SURVIVAL GUIDE


“sedihnya sekolah aku langsung tiada alat muzik.. dah la peruntukkan sikit.. apa pun takde.. macam mana nak mengajar? untung la dapat kerja kat sekolah kaya... sekolah bandar... semua dah ada.”

Inilah situasi yang BIASA diluahkan bagi guru-guru yang baharu berkerja dan ditempatkan (*posting*) ke sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman. Cabaran yang sedemikian merupakan punca utama semangat guru merudum tanpa sengaja.

Teacher to Teacher A Music Educator Survival Guide merupakan satu perkongsian yang diusahakan oleh pihak MAME dalam membantu guru-guru untuk bangkit dan bersemangat dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pendidik muzik bukan sahaja untuk guru baharu, malah untuk guru yang telah lama mengajar namun ingin mencari peluang baharu dalam meningkatkan kualiti dalam kerjaya untuk menjadi seorang pendidik yang cemerlang. Sesuai dengan tajuk “Dari Guru Untuk Guru”, pengalaman yang dikongsikan oleh dua panel jemputan ini mampu membuka mata dan cara bagaimana kita sebagai seorang pendidik muzik dapat “survive” dalam dunia pendidikan khususnya dalam bidang pendidikan muzik.

“Hebatnya seseorang guru bermain muzik tidak akan kemana jika pentadbir dan masyarakat tidak memahami cara kerja kita. Percayalah kita tidak keseorangan. Ramai akan membantu, cuma kita perlu pandai menyelaminya sebagai pendidik”.

Panel 1: En. Mohd. Aswawi bin Isa



“Jangan cerita pada orang perancangan kita.... Buktiakan pada semua walaupun kita guru OKU... Insya-Allah lama kelamaan, kepercayaan akan diberikan kepada kita”.
Panel 2: En. Mohd Huzaire Bin Hj. Ahmad

Panel pertama dalam perkongsian MAME Online Series ini adalah En. Mohd. Aswawi bin Isa. Beliau merupakan Pensyarah Muzik di Universiti Malaysia Kelantan Kampung Bachok. Selain boleh memainkan alatan muzik tradisional, beliau juga mempunyai kebolehan untuk membuat alat-alat muzik tradisional termasuklah membuat patung-patung wayang kulit. Untuk mengembangkan bakat seni yang sedia ada, beliau juga telah menubuhkan Kelab Kebudayaan dan Kesenian Kampung Pulau Tebu pada tahun 2004 yang telah

memberi peluang kepada penduduk-penduduk kampung melibatkan diri secara formal dan aktif dalam persembahan-persembahan di dalam dan luar negara serta dapat menambah sumber pendapatan mereka.

Menurut beliau, dalam kemenjadian seorang guru muzik, kita perlu memahami kehendak sekolah, fahami pelajar kita serta ekonomi dan budaya mereka serta selidik persekitaran tempat kerja dan budaya masyarakat setempat. Tips yang beliau kongsikan dalam menghadapi pentadbir yang tidak menyokong Pendidikan Muzik dan menganggap muzik sebagai subjek tidak penting wajar kita selami.



Kehadiran murid ke sekolah tiada peningkatan namun kehadiran murid ke latihan muzik pada hujung minggu sangat memberangsangkan. Ini menunjukkan murid sangat berminat dengan aktiviti hujung minggu yang beliau laksanakan. Oleh itu, beliau telah mengubah strategi dan mengadakan latihan pada hari sekolah

samada di sebelah pagi sebelum pengajaran dan pembelajaran berlangsung mahupun selepas waktu sekolah. Hasilnya, jumlah kehadiran murid ke sekolah meningkat mendadak dan mendapat perhatian pentadbir. Selain itu, beliau juga turut memberi keizinan untuk murid membawa balik alat muzik untuk berlatih di rumah dan ini dilihat sebagai satu tindakan membantu memudahkan ibu bapa mengawal dan menguruskan anak masing-masing.



Selain itu, beliau turut menggalakkan guru-guru muzik berkolaborasi dengan sekolah-sekolah terdekat mahupun penduduk setempat dalam berkongsi ilmu muzik. Akhirnya, terhasillah gamelan buluh seperti dalam gambar yang dikongsikan. Antara hasil ciptaan dan inovasi beliau dalam bidang muzik ialah “caklampa” dari bahan terbuang (lampu gasoline) bagi menggantikan caklempong untuk kegunaan di sekolah, persebahan Wayang Kulit versi baharu (moden), menghasilkan Kompang Berentak Kelantan, Inovasi pembuatan seruling daripada PVC paip dan Kertok Buluh berpic.



Panel kedua yang berkongsi pengalaman dalam bidang muzik merupakan En. Mohd Huzaire Bin Hj. Ahmad. Beliau merupakan Guru Muzik di SK Mempaga 2, Pahang. Bangkit selepas kecewa ternyata mencetuskan semangat baharu yang berjaya melonjakkan dirinya setanding insan normal walaupun beliau berstatus orang kurang upaya (OKU). Sejarah hitam terjatuh pokok rambutan setinggi 2 meter mengubah segalanya. Kini dengan hanya berkerusi roda, beliau mampu mengharungi rintangan sehingga akhirnya murid- murid beliau yang terdiri daripada murid bermasalah disiplin dan golongan anak yatim berjaya menjadi kebanggaan ibu bapa mereka dengan mampu membantu keluarga masing-masing hasil dari pendapatan membuat persembahan kompang di sekolah yang beliau bertugas kini. Menurut beliau, pengalaman ditempatkan di kawasan pedalaman dengan berkerusi roda tidak langsung mematahkan semangat beliau untuk mendidik murid. Walau tiada peralatan muzik, tiada bilik muzik dan tiada bilik guru kesemuanya beliau anggap sebagai cabaran dan percaya dengan Qada dan Qadar Allah swt.

GALERI MUZIK PERTAMA


Beliau turut menubuhkan kelab muzik dan hasil dari penubuhan ini membawa hasil kemenjadian murid beliau yang mana salah seorang dari mereka kini merupakan seorang guru keluaran Institut Pendidikan

Guru Kampus Ilmu Khas yang kini mengajar di SK Serdang dalam opsyen Pendidikan Muzik. Selain itu, beliau juga telah menubuhkan Galeri Muzik di sekolah sebagai usaha menarik minat murid dan masyarakat setempat dalam mengembangkan Pendidikan Muzik.

Kesimpulannya, pendidikan tanpa elemen muzik dianggap seperti kurang lengkap, sebaliknya pendidikan yang melibatkan elemen muzik memberi pelbagai kemungkinan yang boleh diterokai. Pendidikan muzik nyata memberi murid satu pengalaman dan pengukuhan terhadap kemahiran akademik. Pelbagai contoh dan panduan telah diberi dan dikongsikan sepanjang hampir dua jam secara atas talian (*online*) bersama kedua-dua panel ini yang telah memberi pelbagai teladan yang sangat baik untuk dicontohi oleh guru pendidikan muzik khususnya. Perkongsian mereka juga telah mencetus inspirasi kepada peserta dengan cara-cara untuk meneruskan kehidupan, bagaimana menyelesaikan masalah pengajaran sekiranya berhadapan dengan halangan di sekolah. Guru disarankan untuk mendapatkan bantuan sekeliling seperti sekolah-sekolah terdekat, pihak Pejabat Pendidikan Daerah mahupun pensyarah muzik. Apabila usaha seseorang guru muzik mendapat perhatian pihak pentadbir, disitulah bermulanya peluang dan ruang untuk guru mengembangkan bakat dan lebarkan sayap mereka lebih mendalam terhadap sebarang aktiviti yang dilaksanakan. Perkara ini sejajar dengan matlamat akhir kita sebagai seorang guru muzik iaitu untuk melihat kejayaan murid secara umum dalam akademik mahupun khususnya dalam bidang Pendidikan Muzik.

Disediakan oleh: Maria Mohd Hatar

KODÁLY ONLINE HANGOUT: 25 JANUARY 2022



Sesi ‘Kodály Online Hangout’ yang telah dijalankan pada tanggal 25 Januari 2022 telah mengetengahkan tiga orang pembentang yang berpengalaman. Perkongsian pengalaman ini dimulakan oleh Lucinda Geoghegan dari Scotland yang mana beliau telah berkongsi teknik pengajaran Kodály untuk kanak-kanak melalui Co-operband dan *puppet*. Co-operband merupakan satu tali bergetah yang panjang yang mana ia digunakan untuk membantu kanak-kanak memahami konsep-konsep muzik yang diajar. Lucinda membuat demonstrasi cara-cara penggunaan Co-operband dan lagu-lagu rakyat yang sesuai diajar melalui pelbagai aktiviti. Selain Co-operband, *puppets* juga merupakan bahan bantu mengajar yang sangat efektif dalam pengajaran melalui kaedah Kodály. *Puppets* yang mempunyai mulut yang boleh bergerak dapat menarik minat dan perhatian kanak-kanak untuk menyertai aktiviti yang dirancang. Selain itu, ia juga dapat dijadikan sebagai ‘selimut sekuriti’ kepada kanak-kanak yang kurang yakin pada diri sendiri di mana kanak-kanak tersebut boleh ‘bersembunyi’ di belakang puppet tersebut sambil menyanyikan lagu. Sesi perkongsian ini amat menarik bagi guru muzik terutama yang mengajar kanak-kanak di sekolah rendah.

PUPPETS - WHY PUPPETS

Puppets with working mouths can encourage children to join in

Children hide behind puppets when they are a bit anxious to e.g. sing on their own- it's like a security blanket!

Puppets are engaging for children and enables them to enter a fantasy world

A pair of puppets can help with concept pairs e.g. One is faster / one is slower

Pembentangan diteruskan dengan perkongsian pengalaman oleh Lynne Clark dari England. Beliau memperkenalkan lagu-lagu rakyat dari England. Perkongsian beliau menunjukkan bahawa kebanyakkan lagu-lagu rakyat England yang telah dikumpul dan dianalisis menggunakan skala Aeolian, Dorian dan Mixolydian. Terdapat perbezaan dari segi skala muzik yang digunakan mengikut tempat. Beliau menunjukkan bahawa lirik lagu-lagu rakyat membawa makna yang mendalam terhadap masyarakat pada zaman itu. Sebagai contohnya, lagu Scarborough Fair, di mana lirik lagu tersebut mempunyai maksud atau isi kandunganya yang tersirat iaitu mengenai keselesaan, kekuatan, ingatan dan keberanian. Kami dapat mengenal dan menikmati keunikan lagu-lagu England yang lebih kepada suasana ‘hymn-like’.

Cecil Sharp 1859 - 1924
Key leader of the folk song revival in England.
Collected tunes and dances.
Founded English Folk Dance Society

Ralph Vaughan Williams 1872 - 1958
Small and large scale compositions
Heavily influenced by folk music and Tudor music
Served in First World War - hearing damaged


Scarborough Fair

Distinctive raised 6th: DORIAN r mf s l td r'
Text is a Riddle Song - impossible tasks set
Parsley - comfort / remove bitterness, Sage - strength / healing
Rosemary - love / remembrance, Thyme - courage


Perkongsian pengalaman diteruskan oleh Kymberly Chong dari Malaysia. Kymberly Chong telah membentangkan satu aktiviti yang sangat menarik yang mana beliau telah berkongsikan sebuah lagu rakyat Portugis bertajuk Ti' Anica. Lagu rakyat tersebut merupakan salah satu lagu bagi tarian Portugis yang popular di negeri Melaka. Dalam sesi pembentangan beliau, para peserta telah diajar dengan nyanyian dan tarian bagi lagu tersebut. Didapati ramai peserta tidak biasa mendengar lagu ini berbanding dengan lagu ‘Jingli Nona’ yang lebih dikenali ramai. Sesi nyanyian yang diiringi dengan tarian Portugis yang ‘catchy’ ini sangat menceriakan dan menggembirakan para peserta yang hadir.

Dilaporkan oleh: Yeow Su En

KODÁLY ONLINE HANGOUT: 22 FEBRUARY 2022



Kodály Hangout bulan Februari telah berlangsung pada 22 Februari 2022. Pihak pengajur telah menjemput 3 orang penceramah untuk berkongsi pengalaman mereka sebagai pendidik muzik. Perkongsian pengalaman dimulakan oleh Professor Emeritus Atsuko Omi dari Jepun. Beliau telah berkongsi ilmu pengetahuannya dalam lagu rakyat Jepun kepada para peserta pada hari itu. Prof Atsuko menyatakan bahawa bahasa Jepun bergantung kepada penghasilan pic tinggi dan rendah. Oleh itu kedudukan pic ini akan mempengaruhi melodi dan irama lagu rakyat Jepun. Prof Atsuko telah berkongsi empat buah lagu yang melibatkan permainan pergerakan dan nyanyian (lagu ‘Chachatsubo’ yang bermaksud teapot dan ‘Hiraita Hiraita’ yang bermaksud bunga lotus), nyanyian secara Canon (lagu ‘Hotaru’ yang bermaksud firefly) dan lagu lullaby. Lagu-lagu yang diperkenalkan mempunyai irama dan melodi yang mudah, oleh itu kanak-kanak mudah mempelajari konsep-konsep muzik menerusi lagu-lagu rakyat ini.



Perkongsian pengalaman diteruskan oleh Dr. Shinji Inagi yang memperkenalkan ‘Skeleton Diagram’ pada lagu rakyat Jepun. Skeleton Diagram mula diperkenalkan oleh komposer dan ahli musikologi Jepun iaitu Encik Minao Shibata. Ia merupakan satu kaedah carta untuk menunjukkan struktur lagu rakyat Jepun dengan mengintegrasikan teori dan analisis daripada Fumio Koizumi. Skeleton Diagram juga dikenali sebagai Scale-tone Diagram. Terdapat 4 jenis carta iaitu *Ritsu*, *Miyakobushi*, *Ryukyu* dan *Minyo*. Setiap carta mempunyai skala pentatonik yang berbeza, oleh itu lagu yang dihasilkan juga mempunyai nada yang berbeza. Perkongsian

ini dapat menunjukkan bahawa walaupun terdapat pelbagai jenis lagu-lagu rakyat Jepun, lagu-lagu tersebut masih menggunakan struktur yang serupa.

**4 basic types of “4度枠” (4th frames)
P4 frames**

- Minyō **I** - **d - r**
(m - s - l)
- Ritsu **r - m - s**
(s - l - d)
- Miyakobushi **m - f - l**
(t - d - m)
- Ryūkyū **d - m - f**
(s - t - d')

Ti-(Miyakobushi) Pentatonic

Miyakobushi frame

Frame connection: disjunction

Seterusnya, Lai Suk Yin dari Malaysia berkongsi tentang lagu-lagu rakyat Hakka dan Kantonis dalam komuniti Ipoh, Perak. Beliau menyatakan bahasa dialek Kantonis mempunyai sembilan ton dalam penghasilan bunyinya. Beliau juga telah memperkenalkan beberapa lagu rakyat Kantonis yang terkenal seperti ‘Yuet Kwong Kwong’ (The Moon Song), ‘Pai Pai Chor’ (Sitting together) dan lain-lain. Beliau menunjukkan bahawa terdapat beberapa versi bagi sesebuah lagu rakyat dan masing-masing mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Beliau juga memperkenalkan lagu ‘Dui La Dui Bing Bing’ iaitu sebuah lagu berbentuk kiraan (*counting song*) di mana kanak-kanak akan menyanyikan lagu ini dalam permainan mereka. Sesi perkongsian ini adalah sangat mudah difahami dan amat menyeronokkan.

Pai Pai Chor – Cultural Adaptation in Ipoh Cantonese

Original Version:

啦
啦
利
利
甩
揷
蹦

啦啦利利甩揷蹦
La la li li shui tang
食飯唔使錢 後尾又愛錢
Shi fan mu si chien Hou wei yau oi chien
阿紅許肚痛
Ah Hong xi tu痛
Ah Hong is having a stomachache
搵到万里望
Wan do Man Le Meng
We were looking all the way to Mentawai


Dilaporkan oleh: Yeow Su En



KODÁLY ONLINE HANGOUT: 28 SEPTEMBER 2022

Pada sesi perkongsian Kodály Online Hangout pada 28 September 2021 yang lalu, pihak Young Choral Academy (YCA) dan Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia Baru (MAME) telah menjemput Cik Low Yi Yien untuk berkongsi pengalamannya sebagai guru muzik yang mengajar di sebuah sekolah rendah. Beliau menjalankan sesi pengajarannya secara atas talian yang merangkumi aspek solfa dan irama. Sememangnya pengajaran atas talian sangat mencabar bagi guru-guru muzik, tetapi Cik Low Yi Yien berjaya menjalankan pengajarannya dengan sempurna. Antara pedagogi yang menarik ialah pengajaran muzik yang menggunakan cara ‘rap’ dan


penggunaan alat perkusi yang sedia ada di dalam rumah seperti cawan. Setelah sesi pengajaran beliau, murid-muridnya boleh membuat persembahan secara berkumpulan di atas talian. Perkongsian beliau memberi inspirasi dan idea kepada para guru-guru muzik untuk merancang aktiviti atas talian yang sesuai.




Kami juga terpesona dengan pembentangan oleh Dr. Chong Pek Lin dengan tajuknya ‘Songs from Sarawak’. Dr Chong memperkenalkan lagu-lagu orang Kenyah dan Kayan serta instrument Sape. Dr Chong dengan ahli kumpulannya berusaha menotasikan muzik-muzik Kenyah. Selain menotasikan lagu-lagu Kenyah, Dr. Chong juga telah merakamkan aksi pergerakan berdasarkan pelbagai lagu. Pembentangan Dr. Chong sangat menarik dengan persembahan alat muzik tradisional, nyanyian dan tarian oleh guru-guru pelatih dari Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Pembentangan oleh Dr. Laszlo Nemes adalah berkait rapat dengan lagu-lagu rakyat Hungary. Dr Nemes menunjukkan bahawa lagu rakyat Hungary ada perkaitan dengan lagu rakyat

Indonesia dari segi irama, melodi dan tonaliti. Beliau memberikan contoh dari Bartok, dalam beberapa hasil karya Mikrokosmos yang mana terdapat elemen irama yang dapat dijumpai dalam lagu rakyat. Perkongsian beliau membuka minda kita bahawa walaupun manusia dipisahkan dengan dua benua yang berbeza tetapi masih wujud persamaan dari segi elemen muzik yang terdapat dalam sesebuah lagu.




KODÁLY ONLINE HANGOUT: 26 OCTOBER 2022




Kodály Online Hangout seterusnya dijalankan pada 26 Oktober 2021 yang mana para peserta berpeluang mendengar perkongsian pengalaman daripada Dr. James Cuskelly dan Dr. Jason Goopy dari Australia serta En. Mak Chi Hoe dari Malaysia.

Dr. Cuskelly telah berkongsi pengalaman beliau dalam pengajaran muzik untuk kanak-kanak. Beliau menegaskan bahawa kaedah ‘relative solfa’ iaitu perubahan key dari major ke minor (Contohnya, perubahan C major ke A minor) dapat membantu meningkatkan kualiti nyanyian

kanak-kanak. Selain itu, beliau menegaskan bahawa kaedah *inner hearing* dan pergerakan adalah sangat penting. Kedua-dua aspek ini amat menyeronokkan kerana kanak-kanak boleh belajar dengan lebih berkesan melalui aktiviti permainan. Di samping itu, Dr Cuskelly juga merumuskan bahawa aktiviti nyanyian secara Canon dan Ostinato juga adalah sangat penting dalam membantu perkembangan muzikal kanak-kanak.



Perkongsian diteruskan dengan pembentangan oleh Dr. Goopy yang berkongsi tentang lagu-lagu rakyat dari Selatan Australia. Perkongsian nyanyian beberapa lagu rakyat yang dijalankan secara atas talian ini amat menarik perhatian peserta. Menerusi aktiviti yang dijalankan, para peserta dapat mendengar dan menyanyikan beberapa lagu-lagu yang merdu. Melalui lagu rakyat yang diperdengarkan, para peserta dapat berkongsi perasaan mesra terhadap alam semulajadi.



Dalam pembentangan oleh En. Mak Chi Hoe pula, beliau telah berkongsi ilmu beliau dalam lagu rakyat Hokkian Penang. Perbentangan ini sangat menarik kerana para peserta diperkenalkan kepada lagu-lagu peranakan yang biasa didengar oleh orang ramai yang dapat mengimbas semula zaman kanak-kanak. Satu aktiviti permainan kecil turut dijalankan bersama peserta menerusi lagu ‘La La Li Tampong’. Selain daripada itu, En. Mak Chi Hoe juga telah berkongsi rakaman video lagu ‘Um Bong Bong’ yang dinyanyikan oleh pemuzik peranakan terkemuka di Pulau Pinang.

Dilaporkan oleh: Yeow Su En

'SONGS OF RESILIENCE AND HOPE: MUSIC THERAPY DURING A TIME OF WAR'

Menangani emosi individu yang terbabit dalam perpeperangan bukanlah perkara yang mudah. Bagi golongan pelarian (*refugees*) yang sedang mengalami trauma, adalah menjadi lebih sukar bagi mereka untuk meluahkan perasaan kepada orang lain. Terapi muzik merupakan salah satu alternatif dalam pemulihan dan pemeliharaan taraf kesihatan mental serta fizikal berdasarkan fakta hasil kajian. Bagi tujuan ini, *Young Choral Academy (YCA)* dengan kerjasama *Malaysian Association For Music Education (MAME)* telah menganjurkan sesi webinar bertajuk '*Songs of Resilience and Hope: Music Therapy During A Time of War*' melalui Zoom pada 26 April 2022. Webinar ini membabitkan kerjasama dan penglibatan dari *International Kodály Society*, *International Choral Conductors Federation* serta *World Federation of Music Therapy (WFMT)*.

Menurut pengerusi WFMT, Dr Anita Swanson, WFMT merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang menghimpunkan persatuan dan individu yang berminat untuk membangun dan mempromosikan terapi muzik secara global melalui perkongsian maklumat, kerjasama antara profesional dalam sumbangsaran dan tindakan susulan. Beliau juga mengenengahkah beberapa nilai yang dijadikan tonggak amalan WFMT. Ini termasuklah hormat yang diberikan kepada golongan *refugees* dari medan perang. Ini bermakna mereka patut




mendapat hak yang sama seperti apa yang didapati oleh masyarakat seperti pendidikan. WFMT juga percaya bahawa muzik berupaya untuk memulih dan membawa kesejahteraan kepada seseorang dan masyarakat. Bagi tujuan pendidikan, WFMT turut memainkan peranan untuk mendorong pengguna muzik untuk menjadi ejen yang membawa kesejahteraan dan harmoni kepada masyarakat melalui muzik. Nilai-nilai yang disebutkan juga sering kali dikaitkan oleh semua penceramah sepanjang webinar ini.



Dr. Indra Selvarajah, penceramah sesi webinar ini bermula dengan memperkenalkan *WFMT Council 2020-2023* yang bertujuan mempromosikan kepada seluruh dunia tentang kebaikan

terapi muzik. Selaku pengasas dan pengurus kepada *Malaysian Music Therapy Association (MMTA)*, beliau kini juga mempengerusikan *WFMT-Global Crises Intervention Commision* bagi tahun 2020-2023. Salah satu kerja yang disumbangkan daripada panel ini adalah memberi sokongan teknikal dalam aspek terapi muzik, pakej terapi muzik kepada golongan yang memerlukannya seperti pelarian (*refugees*) dalam perang. Beliau berkata, terapi muzik dilihat sebagai kaedah rawatan kesihatan bersekutu membabitkan aplikasi muzik sebagai intervensi dalam konteks perubatan, kesihatan mental, pendidikan dan kehidupan seharian.

Menurut beliau, matlamat terapi muzik dapat dicapai secara optimum disebabkan banyak kajian yang telah dilaksanakan dan dibuktikan keberkesanannya. Apa yang diperlukan adalah memperluaskan kesedaran dan kebaikan serta mempertingkatkan penggunaan muzik dalam proses terapi muzik. Dr. Indra Selvarajah memberi penjelasan yang amat jelas dalam dua sesi beliau termasuklah kepentingan muzik semasa mengalami krisis. Lanjutan dari itu, definisi dan konsep krisis dan trauma juga dihuraikan dalam sesi beliau serta cara muzik boleh diaplisasikan dalam memulihkan kesihatan minda bagi golongan pelarian perang.




Ucapan pengerusi *International Kodály Society*, Dr. Jerry Jaccard memberi gambaran bagaimana muzik membawa harapan dan kesejahteraan kepada kehidupan manusia melalui sajak yang bertajuk '*The Angel*'. Ini selaras dengan apa yang dikatakan oleh Zoltán Kodály, iaitu 'kehidupan manusia tidak akan lengkap tanpa muzik, kerana ada bahagian minda manusia yang hanya dapat diterangi oleh muzik.' Beliau menjelaskan pemerhatian yang diberikan kepada kanak-kanak adalah penting. Kita dapat belajar sesuatu di kalangan mereka. Dengan menggunakan contoh yang mengagumkan, Dr. Jerry juga membuktikan terapi muzik bukan sesuatu teori tapi kenyataan dalam kehidupan. Beliau mengakhiri ucapannya dengan menggalakkan kita semua untuk berganding bahu dalam membangunkan daya ketahanan dalam mendidik kanak-kanak demi masa depan mereka.

Dalam sesi webinar ini, Dr. James Cuskelly dari *International Kodály Society* memperkenalkan dua lagu tradisional bagi tujuan memahami fungsi terapi muzik dengan adanya elemen harmoni. Ini menjadi lebih ketara apabila lagu ‘*Yonder Come Day*’ dinyanyi dalam bentuk kaunter melodi. Lagu kedua yang bertajuk ‘*All Around The World*’ merupakan lagu yang dapat kita berasa empati kepada negara-negara yang sedang mengalami krisis. Perasaan ini dapat ditonjolkan lagi apabila lirik ‘*All Around The Wide World*’ dinyanyikan. Tambahan pula, ekspresiasi lagu ini dapat dipertingkatkan apabila Dr. James memberi gambaran yang lebih luas dengan membuat penjelasan selepas setiap baris lirik lagu dinyanyikan.



Selepas sesi nyanyian ini, Dr. Indra Selvarajah meneruskan sesi webinar dengan memperkenalkan satu pendekatan yang boleh digunakan dalam terapi muzik iaitu *Psychological First Aid (PFA)*. Beliau memberi penjelasan bahawa setiap intervensi muzik yang diaplikasikan harus disokong oleh pendekatan psikologi yang telah dibuktikan benar dan berkesan. PFA digunakan di sini untuk berintegrasi dengan terapi muzik. Ini merangkumi lima tahap iaitu *safety* (keselamatan), *calming* (bertenang), *connection* (hubungan), *individual and community efficacy* (keberkesaan

individu dan komuniti) dan *hope* (harapan). Di samping itu, beliau juga memberikan fokus kepada kepentingan aplikasi muzik semasa mengalami krisis.



Sesi webinar ini diteruskan bersama Dr. Klaus Levermann, pengurus International Choral Conductors Federation (ICCF). Beliau memperkenalkan latar belakang ICCF dan sentiasa bersedia untuk memberi sokongan dan kerjasama dalam membantu *choral singing* dan juga intervensi muzik. Akhir sekali, webinar ini mengakhiri dengan persembahan koir yang mencuci mata peserta dan ini dipersentasikan oleh Ottophony. Hasrat sesi webinar ini telah tercapai dengan meningkatkan kesedaran dalam membantu menangani gejala kemurungan dan memberikan ketenangan ketika negara mengalami krisis. “Kita berharap untuk melihat senyuman terukir pada wajah semua insan di seluruh dunia”

Dilaporkan oleh: Koh How Earn

RONDOFEST MUSIC FESTIVAL RETURNS IN PERSON THIS SEPTEMBER 2022!

RondoFest marks the return of a full concert and training programme after a two-year hiatus due to the pandemic. The annual RondoFest brings together music students and educators from around the world to create unity through music.

From September 6 to 9, the festival will include 50 individual lessons, 4 masterclasses, 4 public workshops, networking opportunities and a gala concert at the Performing Arts Centre of Penang.

The festival aims to offer a comprehensive learning experience for all string and conducting students as well as music educators. At the same time, the festival offers a range of informative workshops and masterclasses to raise public awareness about music appreciation and education.



— For the first time ever, join string players across Malaysia at the RondoFest 2022. 4 days of lessons, workshops, masterclasses and concerts with internationally renowned artists. Interact and be inspired. Indulge in the festival of collaborative music-making alongside accomplished musicians.

With the specially-designed learning programmes - intensive rehearsals, lessons, and performances - participants will be able to develop a more comprehensive musical knowledge and skill set. Additionally, they will have an opportunity to perform with world-class faculty during the festival's finale concert.

The artist faculty lineup comprises of internationally-renowned musicians and educators as listed below:

- **Violin:** Judith van Driel, Dudok Quartet, Amsterdam
- **Violin:** Marleen Wester, Dudok Quartet, Amsterdam
- **Viola:** Marie-Louise de Jong, Dudok Quartet, Amsterdam
- **Cello:** David Faber, Dudok Quartet, Amsterdam
- **Double Bass:** Sukol Sirisak, Rangsit University, Thailand
- **Conducting:** Jason Lai, YST Conservatory of Music, Singapore

The festival aims to give the participants the tools they need to be great musicians and great leaders. They will be supported in an environment that fosters innovation and creativity in unexpected, dynamic, and relevant ways, so they can realize their far-reaching impact. The festival expects to welcome over 300 participants and observers for a fruitful musical experience.

The RondoFest aims to promote mutual understanding and provide world-class music education to young and amateur musicians, establishing itself as a multi-faceted music festival.

RondoFest 2022 is organised by The Rondo Production in collaboration with the Netherlands Embassy in Malaysia and supported by Penang State Exco Office for Tourism and Creative Economy (PETACE). Malaysian Association for Music Education (MAME) Baru is one of the community partners for the festival, and members of MAME Baru can receive an **additional 10% discount off** the registration fees - a special discount code can be obtained from the MAME team.

Tanjung Point Residences is the official hotel of the festival, offering complimentary discounts to attendees. Additionally, RondoFest 2022 is privileged to receive media partnership support from the Asia-Europe Foundation (ASEF).

Please visit bit.ly/rondofest2022 for more information regarding RondoFest 2022. For further inquiries, please email admin@therondoproduction.com.my or WhatsApp at 012-6943076.





LET'S LET OUR CREATIVE JUICES FLOW.

CALL FOR ARTICLES


Submit your article to
mamebulletin@gmail.com

MORE INFORMATION AT

mame.org.my



Malaysian Association for Music Education



MAME



MALAYSIAN ASSOCIATION FOR MUSIC EDUCATION

BULLETIN



Write and share
your thoughts and ideas
on Music Education
that matters.

Email your manuscript to
mamebulletin@gmail.com